

Meneroka Industri, Mencipta Cerita: Sorotan Pertandingan Video Dokumentari Jejak Industri

Description



Bagi menyokong matlamat pembelajaran berasaskan pertandingan, Video Innovation Club (VIC) meneruskan program cabaran digital melalui Pertandingan Video Dokumentari Jejak Industri pada 25 Jun 2024 bertempat di Anjung Digital Smart Selangor. Pertandingan ini adalah rentetan dari program Travelog Jejak Industri yang telah dilaksanakan sebelum ini bersama komuniti. Tujuan pertandingan ini adalah untuk mengasah kemahiran pelajar VIC bukan sahaja dalam penghasilan produksi yang lengkap tetapi juga penganjuran program yang berimpak. Seramai 50 Peserta yang terdiri dari ahli aktif VIC yang dipecahkan kepada lapan kumpulan. Proses pertandingan ini melalui beberapa fasa utama iaitu pencambahan idea dan konsep pertandingan, pencarian prospek penaja, promosi, pencarian juri profesional, membina rubrik pertandingan serta persediaan majlis penjurian dan penutup. Sewaktu program berlangsung, setiap kumpulan diminta untuk membuat pameran bagi produksi masing-masing. Empat juri professional dari akademik dan industri telah dijemput untuk menilai video akhir kumpulan dan poster iaitu (1) Prof Madya Dr Tengku Siti Meriam Tengku Wook dari Pusat Kajian SOFTAM FTSM, UKM (2) En Mohd Haikal Mohd Fadzil dari Doflix (3) En. Azfar Hamdii Mohd Saidi dari MTAS Production dan (4) En Tengku Muhammad Nasiruddin Tengku Arshad dari HUEX Agency. Pemenang tempat pertama adalah Nexus Studio dengan dokumentari keropok lekor, LM Production dengan hasil dokumentari aiskrim Madinah mendapat tempat kedua dan pemenang ketiga adalah Karya Production dengan dokumentari industri telur pindang. LM Production juga berjaya memenangi kategori pameran terbaik. Program pertandingan yang dirasmikan oleh Dekan FTSM Prof Madya Dr Nurhizam Shafie telah mendapat tajaan dari pelbagai pihak dalam bentuk wang dan barangan.

Program pertandingan seperti ini mampu meningkatkan keyakinan pelajar dalam menguruskan sebuah pertandingan berimpak di samping meningkatkan kemahiran produksi dalam penghasilan dokumentari.



Oleh:
[Masura Rahmat](#)
masura@ukm.edu.my

Pengarang Bersama:
[Noorayisahbe Mohd Yaacob](#)
[Syahanim Mohd Salleh](#)
[Hadi Affendy Dahlan](#)
[Nur Hanis Sabrina Suhaimi](#)

Category

1. Berita Fakulti

Tags

1. VIC

Date Created

2024/12/12

Author

root